

Program pemukiman bantu atasi banjir kilat

SHAH ALAM - Kerajaan negeri telah mengambil tindakan proaktif dengan menjalankan program pemukiman bagi mengatasi masalah banjir kilat yang berlaku di negeri ini.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Talib berkata, program bertujuan mencari penyelesaian segera supaya masalah banjir kilat tidak berulang.

"Program pemukiman ini kita dah rancang awal dan berjaya disempurnakan baru-baru ini.

"Kita berjaya mencari dan melihat bagaimana cara yang efektif untuk menyelesaikan masalah banjir kilat di Selangor," katanya ketika memengerusikan Mesyuarat Task Force Projek Tebatan Banjir, baru-baru ini.

Katanya, program yang dirancang merangkumi tindakan mengenal pasti lokasi, punca, anggaran kos dan penyelesaian banjir kilat yang berlaku.

"Program ini akan berjalan selama lima tahun di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK 11).

"Kita lakukannya secara



spesifik melalui maklumat yang diterima daripada Penguat Kuasa Tempatan (PBT), konsultan yang dilantik dan pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah," katanya.

Menurutnya, program pemukiman melibatkan empat buah daerah dengan 33 projek yang dirancang.

"Daerah yang terlibat ialah Klang, Gombak, Petaling dan Hulu Langat.

"Manakala projek yang dirancang merangkumi pendalaman dan pelebaran sungai, pembinaan kolam takungan dan rumah pam," katanya.

Tambahnya, program akan diteruskan ke peringkat yang lebih tinggi dan holistik dalam menangani kemelut

“Program pemukiman ini kita dah rancang awal dan berjaya disempurnakan baru-baru ini.” - Zaidy

banjir kilat yang merugikan ramai pihak.

Dalam perkembangan yang sama, Zaidy berkata, kerajaan negeri sentiasa peka dan mengambil berat terhadap masalah banjir kilat yang berlaku.

Katanya, usaha menanganinya secara efektif telah berjaya dilaksanakan di beberapa buah tempat seperti Kajang, Sungai Damansara dan Meru.

"Kajang tak lagi banjir selepas kita berjaya melaksanakan projek pendalaman dan pelebaran sungai di sana walaupun dalam keadaan yang tergesa-gesa.

"Begitu juga dengan Meru dan Sungai Damansara selepas masing-masing menerima projek penyelenggaraan dan pembinaan melibatkan pelebaran dan pendalaman sungai, rumah pam dan kolam takungan," katanya.